

I-TAKHRIJ: INOVASI DIGITAL DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ILMU TAKHRIJ HADIS

I-TAKHRIJ: DIGITAL INNOVATION IN THE TEACHING AND LEARNING OF TAKHRIJ HADITH KNOWLEDGE

A Irwan Santeri Doll Kawaid¹

Shumsudin Yabi^{2*}

Syed Najihuddin Syed Hassan³

Nur Afifi Alit⁴

Mohd Fadzli Marhusin⁵

¹ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, 71800, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: a.irwan@usim.edu.my)

² Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, 71800, Negeri Sembilan, Malaysia, (E-mail: shumsudin@usim.edu.my)

³ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, 71800, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

⁴ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, 71800, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: nurafifi@usim.edu.my)

⁵ Cybersecurity and Systems Research Unit, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, 71800, Negeri Sembilan, Malaysia (E-mail: fadzli@usim.edu.my)

* Corresponding author: shumsudin@usim.edu.my

Article history

Received date : 7-10-2025

Revised date : 8-10-2025

Accepted date : 24-11-2025

Published date : 30-12-2025

To cite this document:

Kawaid, A. I. S. D., Yabi, S., Syed Hassan, S. N., Alit, N. A., & Marhusin, M. F. (2025). I-Takhrij: Inovasi digital dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu takhrij hadis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 586 – 597.

Abstrak: Ilmu takhrij hadis (takhrij) merupakan salah satu disiplin penting dalam ilmu hadis. Ilmu ini mendedahkan pelajar kepada kaedah mencari, mendokumentasikan dan menyatakan maklumat sumber hadis secara sistematik. Namun, dalam proses pembelajaran yang melibatkan proses latihan takhrij sendiri serta aktiviti pembentangan laporan, pelajar sering berdepan masalah kekeliruan terhadap item maklumat hadis yang diperlukan, kesilapan dalam pengisian maklumat tersebut, serta format dokumentasi takhrij untuk paparan. Menerusi kaedah konvensional yang biasa dilakukan, pelajar perlu menulis atau memindahkan maklumat daripada pelbagai sumber hadis ke laporan takhrij. Proses ini bukan sahaja memakan masa, bahkan terkadang mendedahkan mereka kepada risiko kesilapan dalam memilih maklumat, kesalahan salinan, dan ketidakselarasan format. Tambahan pula, ketiadaan sistem yang berperanan membimbing mereka mengikut urutan maklumat dan format standard menyebabkan laporan mereka tidak tersusun dan akhirnya menyebabkan pembentangan hasil laporan takhrij yang mereka lakukan kurang efektif. Bagi menangani permasalahan ini, inovasi i-Takhrij telah dibangunkan sebagai aplikasi digital pertama yang menyokong pelaporan dan pembentangan pelajar khusus untuk kursus ilmu takhrij. Aplikasi ini terdiri daripada dua komponen utama, iaitu Input Takhrij untuk pengumpulan maklumat hadis secara berstruktur, dan Papar Takhrij yang menjana laporan automatik dalam format konsisten. Melalui aplikasi ini, pelajar dapat menghasilkan laporan takhrij hadis yang lebih lengkap dan membuat

pembentangan laporan dengan lebih sistematik. Hal ini sekali gus akan memudahkan pensyarah membuat penilaian. Kajian ini membincangkan latar belakang pembangunan aplikasi i-Takhrij, reka bentuk fungsinya, serta potensinya dalam mempertingkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran takhrij hadis di institusi pengajian tinggi.

Kata Kunci: *i-Takhrij, takhrij, hadis, aplikasi, pembelajaran hadis*

Abstract: *The science of hadith verification (takhrij) is one of the important sciences in hadith studies. This science exposes students to the methods of searching, documenting, and presenting hadith source information systematically. However, during the learning process—which involves independent takhrij exercises and report presentation—students often face confusion regarding the required hadith information, mistakes in filling in the information, and issues related to the format of the report. Through conventional methods, students must write or transfer information from various hadith sources into the takhrij report. This process is not only time-consuming but also exposes them to risks such as selecting incorrect information, copying errors, and inconsistencies in formatting. In addition, the absence of a system that guides them through the sequence of information and standard formatting causes their reports to be poorly structured, ultimately affecting the effectiveness of their takhrij presentations. In order to address these problems, the i-Takhrij innovation has been developed as the first digital application designed to assist students in reporting and presenting takhrij work specifically for takhrij courses. This application consists of two main components: Input Takhrij, which facilitates structured collection of hadith information; and Papar Takhrij, which generates automatic reports in a consistent format. Through this application, students can produce more complete takhrij reports and present them more systematically. This, in turn, makes it easier for lecturers to conduct evaluations. This study discusses the background of the development of the i-Takhrij application, the design of its functions, and its potential to enhance the effectiveness of teaching and learning hadith takhrij in higher education institutions.*

Keywords: *i-Takhrij, takhrij, hadith, application, hadith learning*

Pendahuluan

Bidang takhrij hadis merupakan salah satu cabang penting dalam kajian hadis yang berfungsi sebagai proses sistematik untuk menjejak sumber asal periwayatan hadis, menilai statusnya melalui sanad, serta memastikan ketulenan maklumat sebelum digunakan dalam wacana akademik atau amali. Walaupun secara praktikal *takhrij* telah wujud sejak kurun ketiga hijrah, penulisan berbentuk teori hanya muncul lebih lewat dan berkembang pesat dalam era moden. Deraman (2001) menjelaskan bahawa tradisi awal takhrij bersifat amali tanpa sistem penulisan tersusun sebelum munculnya usaha pengkodifikasian moden ilmu tersebut.

Syeikh Ahmad al-Ghumari dan Mahmud al-Tahhan dianggap antara tokoh terawal yang memberi struktur ilmiah kepada takhrij melalui karya *Husul al-Tafrij bi Usul al-Takhrij* dan *Usul al-Takhrij wa Dirasah al-Asanid* yang diterbitkan sekitar 1978. Penulisan mereka menjadi asas kepada pendekatan sistematik dalam proses pencarian sumber hadis, penilaian sanad, dan persembahan data Hadis dalam bentuk akademik.

Definisi Dan Proses Takhrij

Dari sudut etimologi, istilah '*takhrij*' berasal dari kata kerja *kharaja* (خَرَجَ) yang berarti keluar (al-Jawhari, 1982). Dari sudut terminologi pula, ia bermaksud menunjukkan tempat hadis pada sumber asalnya yang mengeluarkannya dengan sanadnya dan menjelaskan statusnya ketika diperlukan (al-Tahhan, 1978).

Takhrij membabitkan beberapa proses, iaitu mencari sumber hadis sama ada dengan lafaz yang sama atau yang mempunyai sedikit perbezaan dengan hadis yang dicari, mencari jalur *mutaba'ah* dan *syahid* bagi hadis yang dicari serta menyatakan statusnya seterusnya mendokumentasikan hasil *takhrij* (A. Irwan et al., 2021).

Dari sudut operasi, *takhrij* melibatkan beberapa proses teknikal termasuk pencarian sumber hadis melalui teks primer atau pangkalan digital, penentuan jalur *mutaba'ah* dan *syahid*, penilaian status hadis melalui pandangan ulama, serta pendokumentasian data dalam format tersusun (A. Irwan et al., 2021). Walau bagaimanapun, pelajar yang mempelajari kursus *takhrij* pada peringkat pengajian tinggi sering menghadapi cabaran berkaitan ketidakjelasan format, kekeliruan maklumat yang perlu dilapor, serta ketidakseragaman struktur laporan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metode deskriptif, iaitu dalam menggambarkan fungsi aplikasi i-Takhrij. Selain itu, ia turut mengaplikasikan pendekatan kuasi-eksperimen dengan reka bentuk pra-ujian dan pasca-ujian (pre-test dan post-test) bagi menilai keberkesanan aplikasi tersebut terhadap kualiti laporan *takhrij* pelajar. Subjek kajian terdiri daripada dua kumpulan pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, yang mengambil kursus QSH2033 Ilmu Takhrij pada sesi A232 dan sesi A242. Data dikumpul daripada laporan tugas pelajar yang dihantar kepada pensyarah.

Tinjauan Literatur

Perkembangan Kajian Berkaitan Hadis & Penyampaian Ilmu Berasaskan Teknologi

Penggunaan teknologi dalam pendidikan Islam, khususnya dalam ilmu hadis, semakin berkembang dalam beberapa dekad terakhir dan menunjukkan potensi besar dalam meningkatkan keberkesanan penyampaian ilmu. Kajian awal dalam bidang ini lebih tertumpu kepada pembangunan pangkalan data digital hadis seperti al-Maktabah al-Syamilah, Mawsu'ah Hadith, Sunni DB dan Jami' al-Hadith, yang bertujuan mempermudah penyelidikan dan pencarian sumber hadis (Al-Qadhi, 2015; Mahmud & Yusoff, 2019). Walaupun sistem ini menyokong pencarian teks hadis dengan cepat, namun sebahagian besar aplikasi tersebut tidak memberi panduan metodologi *takhrij* secara sistematik, justeru pengguna masih memerlukan pemahaman teknikal hadis untuk menilai sanad dan matan.

Beberapa kajian lebih terkini mula memberi perhatian kepada aplikasi Digital Hadith Learning System, iaitu penggunaan aplikasi mudah alih atau *web-based* untuk membantu pelajar menjalankan proses kajian hadis secara berstruktur. Misalnya, kajian oleh Alrawi dan Ibrahim (2020) menilai keberkesanan aplikasi Hadith Learning Mobile App dalam proses pembelajaran di universiti dan mendapati peningkatan signifikan dalam kefahaman pelajar berkaitan konsep sanad, *rijal al-hadith* dan pengenalan sumber. Dalam konteks Malaysia, beberapa penyelidikan seperti oleh Ismail et al. (2022) menekankan keperluan penyelarasan format akademik *takhrij* dalam tugas pelajar kerana wujudnya kelemahan dalam penulisan

pelaporan, termasuk kekeliruan dalam struktur dokumentasi hadis walaupun maklumat diperoleh daripada *database* digital.

Dalam bidang *takhrij* berbantuan teknologi, beberapa penyelidikan menunjukkan trend penghasilan aplikasi automasi atau *semi-automated hadith verification tools*. Misalnya, kajian oleh Abu-Hassan (2021) membangunkan prototaip sistem *takhrij* berasaskan kecerdasan buatan (AI) dengan padanan teks untuk menentukan sumber hadis dalam *kutub sittah*. Walaupun kajian ini masih pada fasa percubaan dan tidak melibatkan proses pembentangan laporan, ia memberikan asas bahawa automasi boleh menyokong kerja penyelidikan hadis yang bersifat teknikal dan berulang. Namun begitu, dapatan kajian Al-Zu'bi dan Hasan (2021) menekankan bahawa kebanyakan aplikasi digital masih gagal memenuhi keperluan *methodological scaffolding* bagi pelajar, menyebabkan mereka tetap terdedah kepada kesilapan dalam menentukan struktur laporan *takhrij*.

Dari perspektif *educational technology*, pembelajaran berasaskan aplikasi digital terbukti efektif dalam meningkatkan aspek *engagement*, *accuracy*, dan *self-regulated learning*, terutama dalam bidang pengajian Islam (Nurfathinah & Hamat, 2022; Basri et al., 2020). Teori Pendidikan seperti *Technology Acceptance Model* (TAM) dan *TPACK Framework* turut diaplikasikan oleh penyelidik lain untuk menjelaskan hubungan antara reka bentuk teknologi, kompetensi digital pelajar, dan keberkesanan pembelajaran. Kajian oleh Hamat (2023), misalnya, menunjukkan bahawa teknologi yang menyediakan panduan langkah demi langkah memiliki impak paling signifikan dalam meningkatkan ketepatan tugas akademik dalam bidang pendidikan Islam berbanding sistem yang hanya menyediakan maklumat.

Jadual 1: Perbandingan kajian-kajian dalam sorotan tinjauan

Penyelidik	Fokus Kajian	Dapatan Utama	Kelemahan/Kekosongan
Al-Qadhi (2015)	Penggunaan pangkalan data hadis digital	Akses maklumat hadis lebih cepat	Tiada panduan format <i>takhrij</i>
Mahmud & Yusoff (2019)	Perbandingan database hadis moden	Meningkatkan pencarian sumber	Tidak menyokong proses pelaporan
Alrawi & Ibrahim (2020)	Mobile app pembelajaran hadis	Peningkatan kefahaman sanad dan rijal	Tidak menyentuh dokumentasi <i>takhrij</i>
Abu-Hassan (2021)	Sistem AI untuk <i>takhrij</i> automatik	Berpotensi menyokong penyelidikan	Tidak mesra pengguna akademik
Ismail et al. (2022)	Analisis laporan <i>takhrij</i> pelajar IPT	Format pelaporan masih lemah	Tiada aplikasi panduan pelaporan
Hamat (2023)	Teknologi dalam pendidikan Islam (TAM)	Aplikasi berstruktur meningkatkan ketepatan	Masih tiada model untuk kursus <i>takhrij</i>

Berdasarkan trend kajian lepas seperti di Jadual 1, dapat disimpulkan bahawa walaupun terdapat banyak platform digital hadis, hanya sebahagian kecil yang memberi penekanan kepada proses pedagogi *takhrij*, seperti susunan maklumat riwayat, paparan format akademik, serta sokongan dalam pembentangan. Justeru, kami menghasilkan sistem yang dikenali sebagai i-Takhrij, inovasi yang menggabungkan antara penyimpanan data, format dokumentasi automatik dan paparan pembentangan dilihat sebagai kesinambungan kritikal dalam perkembangan ekosistem pembelajaran hadis digital pada peringkat institusi pengajian tinggi.

Penyataan Masalah

Dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) ilmu *takhrij*, terutamanya di institusi pengajian tinggi di Malaysia, pelajar lazimnya diminta untuk menjalani latihan *takhrij* hadis secara sendiri, iaitu melakukan latihan dengan mencari sumber hadis daripada sumber Islam yang pelbagai, terutamanya sumber hadis. Selain itu, mereka juga dikehendaki untuk mencari jalur *mutaba'ah* dan *syahid* bagi hadis berkaitan. Segala hasil *takhrij* tersebut kemudiannya didokumentasikan dalam format *takhrij* yang betul dan dibentangkan kepada pensyarah.

Pendokumentasian *takhrij* yang didedahkan kepada pelajar dalam PdP ilmu *takhrij* di institut pengajian tinggi adalah melibatkan proses pendokumentasian *takhrij* yang telah ditetapkan oleh sarjana *takhrij*, iaitu dengan memulakannya dengan ungkapan 'أخرجه' (Direkodkan oleh) kemudian disusuli dengan menyatakan secara lengkap dan terperinci nama popular penulis, nama penuh penulis, nama sumber, topik, sub-topik dan nombor hadis (A. Irwan et al., 2021). Namun, meskipun arahan latihan *takhrij* telah diberikan, ramai pelajar yang masih terkeliru dengan cara pendokumentasian yang betul, maklumat hadis yang diperlukan dan bahan pembentangan yang bersesuaian. Kekeliruan ini seterusnya menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran kursus tersebut menjadi tidak efektif.

Bagi menyelesaikan masalah ini, inovasi *i-Takhrij* yang mengandungi dua aplikasi web, iaitu borang digital 'Input *Takhrij*' dan aplikasi paparan hasil *takhrij* 'Papar *Takhrij*' dihasilkan untuk memudahkan pelajar dan membimbing mereka menyiapkan laporan tugas *takhrij* serta melakukan pembentangan hasil laporan *takhrij*.

Methodologi Pembangunan I-Takhrij Untuk Pembelajaran Hadis

Model *Technology Acceptance Model* (TAM) yang diperkenalkan oleh Davis (1989) merupakan salah satu kerangka teori paling berpengaruh dalam menilai tahap penerimaan pengguna terhadap teknologi baharu. TAM menekankan dua konstruk utama iaitu *Perceived Usefulness* (PU) dan *Perceived Ease of Use* (PEOU) sebagai faktor dominan yang mempengaruhi sikap, niat penggunaan dan akhirnya tingkah laku penggunaan teknologi.

Dalam konteks pengajian hadis, terutamanya bidang *takhrij*, konstruk *Perceived Usefulness* boleh dikaitkan dengan sejauh mana pelajar merasakan bahawa alat digital seperti *i-Takhrij* mampu membantu mereka menyiapkan tugas dengan lebih tepat, konsisten, dan efisien berbanding kaedah manual. Manakala *Perceived Ease of Use* merujuk kepada tahap kemudahan navigasi, kefahaman fungsi sistem, dan kadar pembelajaran pengguna (*learning curve*) ketika menggunakan aplikasi.

Kajian Alrawi & Ibrahim (2020) mendapati bahawa aplikasi pembelajaran hadis berasaskan mudah alih menunjukkan peningkatan dalam minat penggunaan teknologi, selagi aplikasi tersebut mudah difahami dan menyokong proses pembelajaran secara berstruktur. Dalam kajian terkini, Hamat (2023) membuktikan bahawa unsur panduan langkah demi langkah (*guided process scaffolding*) meningkatkan penerimaan teknologi dalam kalangan pelajar pengajian Islam kerana ia mengurangkan kekeliruan metodologi.

Berdasarkan perspektif TAM, *i-Takhrij* berpotensi menunjukkan kadar penerimaan pengguna yang tinggi kerana ia membimbing pelajar mengenal pasti maklumat hadis secara sistematik, menjana format dokumentasi akademik secara automatik dan sekaligus mengurangkan ralat teknikal yang lazim berlaku dalam penulisan *takhrij* tradisional.

Model ADDIE (*Analysis, Design, Development, Implementation & Evaluation*) merupakan pendekatan reka bentuk instruksional yang banyak digunakan dalam pembangunan sistem pembelajaran digital. Ia diaplikasikan dalam projek inovasi i-Takhrij kerana ia menggabungkan elemen perancangan pedagogi dengan pembangunan teknologi.

Fasa ADDIE	Aplikasi dalam i-Takhrij
Analysis	Mengenal pasti masalah pelajar dalam PdP takhrij seperti kekeliruan format, kesilapan maklumat, dan kesukaran pembentangan laporan.
Design	Menetapkan struktur maklumat hadis, paparan borang input, format laporan takhrij dan fungsi paparan automatik untuk pembentangan.
Development	Membangunkan sistem berbasis JavaScript, Google Sheets API dan elemen modular seperti toggle paparan, mutaba'ah, syawahid dan status sanad.
Implementation	Menggunakan aplikasi dalam kursus QSH2033 sebagai platform PdP sebenar dalam kalangan pelajar USIM.
Evaluation	Menilai keberkesanan melalui analisis sebelum dan selepas penggunaan aplikasi — yang menunjukkan peningkatan signifikan dalam ketepatan dan kelengkapan format tugas takhrij.

Penerapan ADDIE membuktikan bahawa pembangunan i-Takhrij bukan sekadar inovasi teknologi tetapi mempunyai asas pedagogi yang kukuh dan terancang. Model ini selari dengan dapatan Basri et al. (2020) dan Nurfathinah & Hamat (2022) yang menekankan bahawa sistem pembelajaran digital dalam pengajian Islam menjadi lebih efektif apabila dibina melalui model rekabentuk instruksional yang sistematik.

Objektif Dan Kepentingan Inovasi

Objektif pembangunan aplikasi ini adalah untuk melatih pelajar mengenal pasti maklumat yang diperlukan dalam pelaporan *takhrij* hadis serta membimbing mereka mengisi maklumat tersebut dengan format yang betul. Selain itu, aplikasi ini juga berfungsi untuk memudahkan pelajar menyimpan, mengurus, dan memaparkan data *takhrij* hadis dengan lebih tersusun dan sistematik. Antara objektif aplikasi ini ialah:

- Membimbing pelajar mengisi maklumat *takhrij* dengan lengkap dan tepat.
- Menyediakan platform digital bersepadu yang mengurus input, simpanan, dan paparan data hadis.
- Memastikan ketepatan data *takhrij* serta mengurangkan kesilapan dokumentasi.
- Membolehkan pelajar menghasilkan laporan dan bahan pembentangan yang betul.
- Meningkatkan kemahiran pengurusan maklumat hadis melalui penggunaan teknologi digital.
- Memudahkan urusan pelajar dalam membuat laporan dan membentangkan hasil *takhrij*.

Dari segi kepentingan, inovasi ini memberi manfaat bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga pensyarah. Pelajar dapat mempercepatkan proses penyediaan tugas *takhrij*, mengurangkan kesilapan, dan memperoleh pengalaman menggunakan teknologi sebagai alat bantu pembelajaran hadis. Pensyarah pula dapat menyemak dan menilai laporan tugas *takhrij* dengan mudah kerana ia dihantar dalam format yang seragam dan dibentangkan dengan bahan yang lengkap.

Ciri Dan Fungsi I-Takhrij

Input Takhrij

Paparan ini merupakan satu komponen utama dalam aplikasi ini. Ia merupakan aplikasi berasaskan web (*web app*) yang berbentuk borang digital yang digunakan untuk mengisi maklumat berkaitan sumber hadis. Ia lengkap dengan ruang maklumat hadis yang perlu diisi seperti berikut:

- Kod Sumber
- Nombor Hadis
- Nama Perawi 'Ala
- Matan Hadis
- Terjemahan
- Kitab (Topik)
- Bab (Sub-Topik)
- Nama Pengarang
- Nama Sumber
- Komentar Ulama Tentang Status Hadis yang mengundungi:
 - Nama Ulama
 - Komentar (berkaitan status hadis)
 - Sumber
- *Mutabaah*
- *Shahid*

Penerangan

1. Sila masukkan semua maklumat hadis dalam borang ini.
2. Untuk memudahkan proses memasukkan maklumat sumber hadis, anda boleh menyalin dan menempal nama sumber daripada senarai di bawah ke dalam ruangan nama sumber.
3. Sila masukkan kod sumber seperti yang dinyatakan dalam senarai di bawah, diikuti dengan nombor hadis dalam ruangan kod hadis. Lakukan perkara yang sama untuk **Mutabaah** (MUTABAHAH) dan **Shahid** (SHAHID). Contoh: BKS1 (Sahih al-Bukhari, hadis nombor 1).
4. Jika terdapat lebih daripada satu **Mutabaah** (MUTABAHAH) atau **Shahid** (SHAHID), sila letakkan tanda pemisah semicolon (;) di antara setiap kod. Contoh: BKS1; MSS2 (Sahih al-Bukhari, hadis nombor 1) dan (Sahih Muslim, hadis nombor 2).

Senarai sumber dan kodnya (susunan ini mesti diikuti dalam **takhrij** dan pertimbangan)

- Sahih al-Bukhari (BKS)
- Sahih Muslim (MSS)
- Sunan Abu Dawud (ADS)
- Sunan al-Tirmidhi (TRM)
- Sunan al-Nasa'i (NSS)
- Sunan Ibn Majah (IMS)
- Musnad Ahmad bin Hanbal (AHM)
- Musnad al-Bazzaz (BZZ)
- Sahih Ibn Khuzaimah (IKS)
- Sahih Ibn Hibban (IHS)
- Sunan al-Darimi (DRS)
- Musnad al-Kutaybi (TKT)
- Musnad al-Bayhaqi (BYH)
- Musnad al-Hafiz (HAF)
- Musnad al-Hakim (HAK)
- Musnad al-Ismaili (ISM)
- Musnad al-Jarir (JAR)
- Musnad al-Khatib (KAT)
- Musnad al-Lajin (LAJ)
- Musnad al-Munawwir (MUN)
- Musnad al-Qasbi (QAS)
- Musnad al-Ramadhani (RAM)
- Musnad al-Rifa'i (RIF)
- Musnad al-Sayid (SAY)
- Musnad al-Shaykh (SHY)
- Musnad al-Tajali (TJA)
- Musnad al-Tirmidhi (TRM)
- Musnad al-Walibi (WAL)
- Musnad al-Zuhri (ZUH)
- Musnad al-Bayhaqi (BYH)
- Musnad al-Hafiz (HAF)
- Musnad al-Hakim (HAK)
- Musnad al-Ismaili (ISM)
- Musnad al-Jarir (JAR)
- Musnad al-Khatib (KAT)
- Musnad al-Lajin (LAJ)
- Musnad al-Munawwir (MUN)
- Musnad al-Qasbi (QAS)
- Musnad al-Ramadhani (RAM)
- Musnad al-Rifa'i (RIF)
- Musnad al-Sayid (SAY)
- Musnad al-Shaykh (SHY)
- Musnad al-Tajali (TJA)
- Musnad al-Tirmidhi (TRM)
- Musnad al-Walibi (WAL)
- Musnad al-Zuhri (ZUH)

1. Muat naik data yang telah diisi dalam format .doc untuk tujuan laporan.
2. Jika anda menggunakan aplikasi "Masukan Takhrij" di luar pelayan USIM, muat naik data dalam format Excel, kemudian salin dan tempelkan ke dalam "Google Sheet" yang telah disediakan untuk anda.

Input Takhrij

Kod Sumber	Nombor Hadis
Nama Perawi 'Ala	اسم الراوي الأعلى
Matan Hadis	
Terjemahan	
Kitab	الكتاب
Bab	الباب
Pengarang	المؤلف
Sumber	المصدر

Komentar Ulama Tentang Status Hadis

Nama Ulama	اسم العالم
Komentar	التعليق
Sumber	المصدر

Boleh

Tambah Komentar

Mutabaah	Shahid

Rajah 1: Borang Input Takhrij

Pengguna juga boleh menambah komentar ulama terhadap status hadis jika terdapat lebih daripada satu komentar. Antara kelebihan aplikasi ini, pengguna dapat menyimpan hasil *takhrij* ke dalam *Google Sheet* serta memuat turun hasil *takhrij* dalam bentuk laporan dalam format *Word* yang telah disusun mengikut format *takhrij* secara akademik.

Selain itu, ia juga lengkap dengan panduan pengisian maklumat di bahagian sisi borang untuk memastikan pengguna memahami maklumat yang diperlukan serta format yang betul. Dari segi teknikal, aplikasi ini dibangunkan menggunakan *JavaScript* untuk manipulasi *DOM*, *event handling*, capaian *API*, dan integrasi dengan *Google Sheets* melalui *PapaParse* serta *Google Apps Script*.

Papar Takhrij

Paparan ini merupakan komponen kedua dalam aplikasi ini. Ia juga sebuah aplikasi web yang khusus untuk memudahkan proses pembentangan pelaporan *takhrij*. Dengan menggunakannya, pengguna dapat memaparkan laporan *takhrij* dengan pelbagai kandungan yang kemas

berdasarkan data yang telah dimasukkan mereka dalam paparan *Input Takhrij*. Semua maklumat tersebut dapat dipaparkan secara automatik dan masa nyata (*real-time*). Kelebihan ini membolehkan pelajar membentangkan dapatan mereka dengan lebih teratur dan profesional. Dari segi teknikal, aplikasi ini dibangunkan menggunakan *JavaScript* (yang antaranya melibatkan proses manipulasi data objek (DOM), paparan data dan tapisan data). Pangkalan data aplikasi ini adalah *Google Sheets* yang diintegrasikan masa nyata melalui *Google API*.

- Fungsi Utama:
 - Paparan data hadis secara automatik dalam susunan teratur.
 - Penapisan data mengikut sumber, bab, atau perawi.
 - *Toggle* paparan matan dan terjemahan hasil untuk fleksibiliti pembentangan.
 - Paparan maklumat hadis, status hadis, mutabaah & syahid dalam bentuk senarai mudah rujuk.
 - Integrasi langsung dengan *Google Sheets* untuk kemaskini masa nyata.
- Keunikan & Kelebihan:
 - Format paparan seragam, sesuai untuk tugas akademik.
 - Mesra pembentangan – data dipaparkan dengan susun atur kemas.
 - Akses terus melalui laman web tanpa perlu pemasangan aplikasi.
 - Menyokong pembelajaran berasaskan teknologi (technology-enhanced learning).



Papar Takhrij

رقم الحديث: 2281 المصدر: جامع الترمذي

الرواي الأعلى: علي بن أبي طالب

المتن: حدثنا محمود بن غيلان، قال: حدثنا أبو أحمد الزبيري، قال: حدثنا سفيان، عن عبد الأعلى، عن أبي عبد الرحمن السلمي، عن علي قال: أراه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: «من كذب في حلمه كلف» يوم القيامة عقد شعيرة.

شجرة السند الشاهد المتابعة الدرجة بيانات التخريج إخفاء الترجمة

Terjemahan: "Telah meriwayatkan kepada kami Mahmud bin Ghailan, katanya: Telah meriwayatkan kepada kami Abu Ahmad al-Zubayri, katanya: Telah meriwayatkan kepada kami Sufyan, daripada 'Abd al-A'la, daripada Abu 'Abd al-Rahman al-Sulami, daripada 'Ali, beliau berkata: Aku rasa (hadis ini) daripada Nabi ﷺ, baginda bersabda: 'Sesiapa yang berbohong dalam mimpinya, akan dibebani pada Hari Kiamat untuk mengikat sebatang tangkai barli.'"

© 2025 irwannadwi. Semua Hak Cipta Terpelihara.

Rajah 2: Portal Papar Takhrij

Terdapat dua pilihan *dropdown* untuk memulakan pemaparan, iaitu 1. sumber hadis dan 2. nombor hadis. Apabila pilihan sudah ditetapkan, matan hadis dan nama perawi utama akan muncul secara automatik di bahagian tengah. Beberapa butang kawalan paparan di bahagian tengah berfungsi untuk memaparkan kandungan yang diperlukan. Butang-butang kawal tersebut adalah:

- Butang papar atau sembunyikan terjemahan hadis.
- Butang papar atau sembunyikan maklumat hadis.
- Butang papar atau sembunyikan komentar ulama tentang status hadis.

- Butang papar hadis-hadis sokongan (*mutaba'ah*).
- Butang papar hadis-hadis sokongan lain (*syahid*).

Dalam bahagian paparan maklumat hadis, terdapat maklumat berkaitan kitab (topik) dan bab (sub-topik) hadis. Begitu juga dengan nama pengarang. Dalam bahagian paparan status hadis, terdapat maklumat nama ulama yang menilai hadis, komentar dan sumber komentar tersebut. Dengan aplikasi ini, pelajar dapat membentangkan hasil *takhrij* mereka secara lebih profesional, tersusun, dan mudah difahami.

Kaedah Pelaksanaan

Kaedah pembangunan inovasi ini dilaksanakan melalui beberapa fasa:

- Pembangunan skrip *JavaScript* bagi mengurus interaksi pengguna, penapisan dropdown, dan integrasi *Google API*.
- Penggunaan *PapaParse* untuk memproses *CSV* daripada *Google Sheets*.
- Pengujian fungsi pada pelbagai pelayar (*Chrome, Edge, Firefox*).
- Pelaksanaan dalam PdP bagi membolehkan pelajar membuat latihan *takhrij* hadis dengan memasukkan data hadis seterusnya memuat turun laporan dalam format *Word* atau *Excel*.

Kajian Pre-Test Dan Post-Test


Aplikasi ini telah diuji untuk digunakan oleh pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia yang telah mengambil kursus QSH2033 Ilmu *Takhrij* yang diajar oleh penulis utama pada sesi pembelajaran A242, iaitu Semester 2 tahun 2025. Kursus ini mewajibkan pelajar untuk melakukan *takhrij* sendiri, iaitu dengan melakukan pencarian terhadap sumber hadis serta menyediakan dokumentasi terhadap maklumat tersebut. Mereka selepas itu diminta untuk melaporkan hasil *takhrij* dan dengan menghantar laporan bertulis dan membentangkannya dalam sesi pembentangan.

Kajian ini melakukan perbandingan pada hasil tugas pelajar yang telah hantar kepada pensyarah pada sesi tersebut dan hasil tugas pelajar kursus yang sama pada tahun pengajian sebelum itu, iaitu A232, iaitu sebelum aplikasi tersebut diperkenalkan. Perbandingan ini memfokuskan pada dua elemen sahaja, iaitu elemen maklumat hadis yang lengkap dan format pendokumentasian *takhrij* yang betul.

Bilangan pelajar yang mengambil kursus tersebut dengan beliau pada di pada sesi A232 adalah 112 orang. Tugas dilakukan secara berkumpulan. Terdapat 47 laporan tugas diterima daripada 47 kumpulan pelajar pada sesi tersebut. Bilangan pelajar yang mengambil kursus yang sama dengan beliau pada sesi A242 pula adalah 120 orang.

Dapatan Dan Perbincangan

Terdapat 45 laporan tugas diterima daripada 45 kumpulan pelajar. Hasil perbandingan adalah seperti berikut:



Rajah 1: Perbandingan Perubahan Hasil Laporan Takhrij Pelajar Sebelum dan Selepas Menggunakan i-Takhrij

Berdasarkan rajah di atas dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada elemen maklumat yang lebih lengkap dan format *takhrij* yang semakin baik bagi pelaporan pelajar pada sesi A242 berbanding pelaporan pelajar pada sesi A232, iaitu sebelum aplikasi ini diperkenalkan. Terdapat peningkatan positif hampir 50% pada elemen maklumat *takhrij* yang lengkap, iaitu 97.9% pada sesi A242 berbanding 48.9% pada sesi A232. Bagi elemen format yang betul pula terdapat peningkatan sebanyak 33.5%, iaitu 90.9% pada sesi A242 berbanding 57.4% pada sesi A232. Hasil ini menunjukkan bahawa aplikasi *i-Takhrij* boleh membantu pelajar dalam mengenalpasti maklumat yang diperlukan dalam *takhrij*. Begitu juga dengan format dokumentasi *takhrij* yang betul.

Meskipun terdapat kesan yang lebih baik pada pelaporan *takhrij* selepas penggunaan aplikasi ini, namun ini tidak bermaksud bahawa format laporan mereka telah sempurna. Kelemahan dari sudut format jenis font, saiz font dan struktur pelaporan masih banyak berlaku. Hal ini menyebabkan walaupun dari sudut dokumentasi dan format *takhrij* sudah berkurangan, tetapi kelemahan dari sudut format akademik masih banyak terjadi.

Kesimpulan

Ilmu *takhrij* hadis merupakan salah satu bidang hadis yang penting yang memerlukan kepada ketelitian dalam pencarian, pendokumentasian, dan pembentangan maklumat hadis. Namun, berdasarkan amalan konvensional, pelajar sering berdepan dengan kekeliruan terhadap item maklumat hadis yang perlu dimasukkan, kesilapan dalam proses pengisian, serta ketidakselarasan format laporan yang dihasilkan. Keadaan ini bukan sahaja memakan masa, bahkan menjejaskan kualiti laporan serta keberkesanan pembentangan. Inovasi *i-Takhrij* hadir sebagai penyelesaian kepada isu tersebut melalui dua komponen utamanya, iaitu *Input Takhrij* dan *Papar Takhrij*. *Input Takhrij* membantu pelajar mengisi maklumat hadis dengan lebih berstruktur, manakala *Papar Takhrij* menyusun maklumat tersebut ke dalam bentuk laporan dan bahan pembentangan yang seragam. Data disimpan secara automatik di *Google Sheets*,

seterusnya boleh dijana menjadi laporan lengkap dalam format yang konsisten. Kajian perbandingan antara pelajar sebelum dan selepas menggunakan aplikasi ini membuktikan adanya peningkatan ketara dalam aspek kelengkapan maklumat dan ketepatan format pendokumentasian. Justeru, aplikasi ini bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah kekeliruan dan kesalahan dalam proses *takhrij*, malah meningkatkan kecekapan serta keyakinan pelajar dalam menghasilkan tugas dan pembentangan. Secara keseluruhannya, *i-Takhrij* dapat dianggap sebagai inovasi digital pertama yang memberi fokus khusus kepada ilmu *takhrij* hadis. Ia berpotensi menjadi model pembelajaran berasaskan teknologi yang mampu mempertingkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi, di samping memudahkan pensyarah menilai hasil kerja pelajar dengan lebih sistematik dan berkesan.

Rujukan

- Abu-Hassan, M. (2021). Prototype development of AI-based hadith verification using text similarity detection. *International Journal of Applied Islamic Studies and Technology*, 7(4), 88–104.
- Al-Jawhari, Ismail bin Hammad. (1982). *Al-Sihah* (Ahmad ‘Abd al-Ghafur ‘Attar, Ed.). Beirut: Dar al-Mafayin.
- Al-Qadhi, A. R. (2015). Digital Hadith databases: A comparative review of search functionality and accuracy. *Journal of Islamic Studies and Information Technology*, 3(2), 45–62.
- Alrawi, H., & Ibrahim, S. (2020). Mobile learning in Islamic studies: Evaluating a Hadith learning mobile app for undergraduate learners. *Journal of Islamic Pedagogy*, 5(3), 101–117.
- Al-Tahhan, Mahmud. (1978). *Usul al-Takhrij wa Dirasah al-Asānid*. Beirut: Dar al-Qur’an al-Karim.
- Al-Zu’bi, M., & Hasan, T. (2021). Challenges in applying automation in takhrij al-hadith: A pedagogical review. *Journal of Hadith Research and Digital Scholarship*, 4(1), 33–59.
- Basri, H., Saleh, A., & Junaidi, M. (2020). Digital Islamic pedagogy: A systematic literature review. *International Journal of Islamic Education and Technology*, 4(1), 10–28.
- Davis, F. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13(3), 319–340.
- Deraman, F. (2001). Ilmu takhrij al-hadith: Pengertian, sejarah dan kepentingannya. *Jurnal Usuluddin*, 14, 55–64.
- Hamat, R. (2023). Applying the Technology Acceptance Model (TAM) in Islamic education: Measuring student readiness for digital hadith learning tools. *Journal of Islamic Learning and Instructional Design*, 11(1), 19–38.
- Irwan Santeri Doll Kawaed, A., Mohd Sobali, A., & Abu Bakar, A. I. (2021). Faedah takhrij hadis kepada sanad dan matan: Satu kajian analisis. *Journal of Ma’alim al-Quran wa al-Sunnah*, 17(Special Issue), 66–83. <https://doi.org/10.33102/jmq.v17i2.285>
- Ismail, N., Baharudin, N., & Roslan, S. N. (2022). Errors in student-generated takhrij reports: An analysis of academic reporting competency in Malaysian higher education. *Journal of Islamic Education Research*, 9(2), 73–95.
- Mahmud, A., & Yusoff, M. F. (2019). The role of digital hadith repositories in higher education: A usability analysis. *International Journal of Quran and Sunnah Studies*, 2(1), 55–78.
- Mishra, P., & Koehler, M. (2006). Technological Pedagogical Content Knowledge: A framework for teacher knowledge. *Teachers College Record*, 108(6), 1017–1054.
- Nurfathinah, S., & Hamat, R. (2022). Digital learning tools in Qur’anic and Hadith studies: A systematic evaluation of student engagement. *Journal of Technology-Assisted Islamic Learning*, 6(2), 41–59.